UUM/AA8C/BH/21.2.2026/ P:13(1-3)

Dedah kelebihan, peluang kerjaya sektor maritim

Dr Chuah Lai Fatt,
Sekolah Pengurusan Teknologi dan Logistik, UUM

Malaysia sering digambarkan sebagai negara maritim strategik. Kedudukan geografinya dikelilingi laut serta berada di tengah laluan perdagangan antarabangsa menjadikan sektor maritim sebagai antara tunjang penting kepada ekonomi, perdagangan dan keterhubungan negara.

Namun, dalam arus pembangunan pantas dan persaingan global semakin sengit, wajar untuk kita menilai semula satu perkara asas bagaimana memperkukuh peranan anak tempatan sebagai penggiat utama dalam ekosistem maritim negara sendiri.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pelbagai usaha penambahbaikan dilaksanakan untuk memperkukuh tadbir urus maritim. Proses pentadbiran diperkemas, pematuhan terhadap piawaian antarabangsa terus dipertingkatkan dan pendekatan lebih moden mula diterapkan bagi memastikan industri ini kekal relevan, selamat dan kompetitif.

Usaha ini wajar dihargai kerana sektor maritim bukan sahaja memerlukan infrastruktur dan aset baik, tetapi sistem telus dan cekap. Namun, kekuatan sebenar maritim akhirnya bergantung pada kualiti manusia.

Dalam konteks ini, keutamaan jangka panjang tidak boleh dipinggirkan ialah pembangunan modal insan tempatan. Profesion pelaut, pengurusan kapal, keselamatan pelayaran, penyelenggaraan marin, logistik pelabuhan, perkhidmatan teknikal serta pengurusan risiko maritim ialah bidang memerlukan kemahiran tinggi, disiplin dan latihan berstruktur.

Tingkat reputasi Malaysia

Apabila lebih ramai anak tempatan menguasai bidang ini, negara bukan sahaja melahirkan tenaga kerja berkualiti, tetapi membina lapisan kepakaran strategik mampu mengangkat reputasi Malaysia di arena maritim serantau dan antarabangsa.

Bagi generasi muda, maritim sebenarnya menawarkan laluan kerjaya luas dan moden, namun naratif mengenainya perlu diperkasakan. Banyak belia melihat sektor ini sebagai pekerjaan berat dan jauh daripada gaya hidup mereka, sedangkan realitinya maritim hari ini semakin berteknologi tinggi, berasaskan standard keselamatan ketat dan memerlukan kemahiran profesional setaraf industri global.

Di sinilah pentingnya kerjasama antara kerajaan, industri dan institusi pendidikan. Laluan latihan perlu diperkukuh, kandungan pembelajaran perlu sentiasa relevan dan paling penting, laluan kerjaya jelas perlu diwujudkan.

Selain itu, sokongan kebajikan dan kesejahteraan kerjaya juga perlu diberi perhatian secara konsisten supaya profesion ini kekal menarik dan mampu mengekalkan bakat yang telah dilahirkan.

Apabila anak tempatan memainkan peranan utama dalam sektor ini, kita bukan sahaja memperkukuh ekonomi, tetapi membina daya tahan iaitu keupayaan negara untuk terus berfungsi dengan baik ketika berdepan ketidaktentuan global, gangguan rantaian bekalan atau cabaran geopolitik.

Memajukan modal insan maritim tempatan ialah salah satu bentuk pelaburan terhadap keselamatan ekonomi dan daya tahan negara. Maritim perlu dilihat sebagai agenda bersama, bukan isu terpencil. Kita memerlukan pendekatan berhemah, berperingkat dan berpaksikan masa depan untuk melahirkan lebih ramai profesional maritim tempatan.